

## PEMULIHARAAN JERAT SEMBAT ORANG ASLI SUKU TEMUAN DI KAMPUNG GAPAM, JASIN, MELAKA

MUHAMMAD HAZIQ MOHD ROHIR

Universiti Kebangsaan Malaysia

[haziqrohir@gmail.com](mailto:haziqrohir@gmail.com)

MOHD YUSZAIDY MOHD YUSOFF\*

Universiti Kebangsaan Malaysia

[yuszaidy@ukm.edu.my](mailto:yuszaidy@ukm.edu.my)

\*Penulis Koresponden

### ABSTRAK

Artikel ini membincangkan pemuliharaan Jerat Sembat Orang Asli dari suku Temuan di Kampung Gapam di Jasin, Melaka. Jerat biasanya digunakan untuk memerangkap haiwan dalam keadaan hidup. Orang Asli Suku Temuan tidak akan membunuh haiwan semasa berburu kerana mereka percaya ini dapat mengelakkan kejadian buruk menimpa diri dan keluarga mereka. Kepercayaan mereka terhadap semangat sangat kuat. Oleh itu, ketika memburu, mereka hanya menggunakan perangkap untuk memerangkap haiwan seperti burung, tikus liar, tupai dan rusa. Mereka membuat perangkap menggunakan bahan yang mudah diperoleh dari tempat berburu. Namun, peredaran zaman telah menyebabkan penggunaan jerat untuk memerangkap haiwan semakin kurang popular sehingga generasi muda mereka sendiri tidak mengenalinya. Tujuan penyelidikan ini adalah untuk mengenal pasti jerat sembat dalam komuniti Orang Asli suku Temuan. Penyelidikan ini menggunakan metodologi penyelidikan kualitatif, iaitu kajian lapangan dan kajian perpustakaan. Kajian lapangan selama satu minggu dilakukan di Kampung Gapam di Jasin, Melaka. Kaedah temu bual berfokus digunakan untuk menemu bual beberapa orang yang berwibawa dalam komuniti. Penyelidikan ini juga disokong oleh data tambahan daripada kajian perpustakaan. Proses analisis data menggunakan kaedah naratif. Penemuan kajian jelas menunjukkan bahawa generasi muda tidak tahu membuat Jerat Sembat. Hasil kajian juga membuktikan bahawa Jerat Sembat mesti dipertahankan untuk mengangkat kearifan tempatan Orang Asli. Sumbangan penyelidikan ini sangat penting dengan menjadikan perangkap Suku Temuan sebagai cara ikhtiar hidup di hutan.

**Kata Kunci:** Buru; jerat; Orang Asli; pemuliharaan; Temuan

## CONSERVATION OF ‘JERAT SEMBAT’ OF INDIGENOUS TEMUAN TRIBE IN KAMPUNG GAPAM, JASIN, MELAKA

### ABSTRACT

This article discusses the conservation of ‘Jerat Sembat’ of indigenous Temuan tribe in Kampung Gapam, Jasin, Melaka. ‘Jerat Sembat’ are commonly used to trap animals in living conditions. The indigenous people of the Temuan tribe will not kill animals while hunting because they believe this can avoid adverse incidents befalling themselves and their families. They have a strong belief that there is a spirit in nature. Therefore, while hunting, they only use traps to trap animals such as birds, wild mice, squirrels and deer. They make traps using materials that are easily obtained from hunting grounds. However, the passage of time has caused the use of ‘Jerat Sembat’ to trap animals to become less popular thus causing their own younger generation to not recognize it. The purpose of this research is to identify the ‘Jerat Sembat’ in the indigenous people of the Temuan tribe. This research uses qualitative research methodology, namely field studies and library studies. A one-week field study was conducted in Kampung Gapam in Jasin, Melaka. Focused interview methods are used to interview some authoritative people in the community. This research is also supported by additional data from library studies. The process of data analysis uses the narrative method. The findings of the study clearly show that the younger generation does not know how to make ‘Jerat Sembat’. The results of the study also prove that the ‘Jerat Sembat’ must be maintained to uphold the local wisdom of the indigenous people. The contribution of this research is very important by making the Temuan tribe ‘Jerat Sembat’ as a way of life in the forest.

**Keywords:** Hunt; trap; Indigenous People; conservation; Temuan

### PENGENALAN

Kawasan hutan belantara dan berbukit bukau sering dikaitkan dengan kehidupan masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia ramai yang mendiami lembangan lembah sungai dan pesisir pantai yang subur dengan sumber makanan dari pelbagai tumbuhan seperti buah-buahan, ubi kayu dan hasil hutan dan kehidupan liar dari darat dan air. Masyarakat Orang Asli mempunyai corak kehidupan yang diwarisi sejak temurun lagi seperti memburu binatang kecil dan membuka kawasan ladang ubi kayu dan padi huma. Mereka biasanya hidup dalam keadaan tenang dan damai. Namun ada antara mereka telah mengalami pelbagai perubahan akibat pengaulan dan perkahwinan dengan masyarakat luar seperti etnik Melayu dan Cina. Selain itu kesan daripada perubahan masa, zaman dan teknologi juga telah membawa perubahan dalam kalangan mereka. Ada dalam kalangan mereka yang masih mengekalkan tradisi dan mewarisi teknologi yang diguna dan diamalkan oleh generasi sebelum itu. Masyarakat juga masih menganuti dan berpegang dengan kepercayaan warisan yang berpegang kepada perlu memberi penghormatan dan menjaga segala kehidupan dalam dan luar persekitaran hutan.

Kehidupan berlatarkan alam semula jadi telah membentuk pemikiran mereka yang melihat alam sebagai panduan hidup mereka. Masyarakat yang masih berpegang teguh dan mempercayainya perlu menjalani kehidupan yang tenteram dan menghormati alam. Keperluan inilah yang menjadikan masyarakat orang Asli amat berhati-hati apabila berinteraksi dengan alam. Mereka mempunyai pantang larang yang bertujuan untuk mengimbangi diri dengan unsur alam supaya tidak mengganggu mereka. Mereka tidak akan melakukan sesuatu perkara yang kurang baik dalam hutan seperti membunuh binatang dan merosak pokok di dalam hutan.

Bagi menjaga hubungan dengan alam, mereka tidak membunuh binatang-binatang di dalam hutan sebaliknya memerangkapnya dengan menggunakan perangkap jerat. Mereka percaya bahawa membunuh binatang dalam hutan akan memberikan kesan kurang baik pada diri, keluarga dan masyarakat. Mereka hanya memerangkap binatang yang diperlukan seperti ayam hutan, kancil dan pelanduk. Binatang-binatang itu terperangkap pada jerat dalam keadaan masih hidup. Penulisan ini bertujuan menjelaskan dan menganalisis tentang pemuliharaan terhadap perangkap jerat binatang dalam kalangan masyarakat Orang Asli Temuan yang semakin kurang diketahui oleh generasi muda masyarakat Orang Asli.

## MASYARAKAT ORANG ASLI MALAYSIA

Masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia diletakkan di bawah perjagaan Jabatan Orang Asli Semenanjung (JOAS). Jabatan JOAS bertanggungjawab sepenuhnya mengenai masyarakat Orang Asli (Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia, 2004). JOAS menjaga hal-hal kebajikan seperti menyediakan kawasan kediaman, perbelanjaan kehidupan dan pendidikan kepada anak-anak Orang Asli. Masyarakat Orang Asli juga mengalami perubahan corak kehidupan dan aktiviti ekonomi. Masyarakat ini telah menerima pendidikan rendah sehingga pendidikan tinggi. Masyarakat Orang Asli dibahagikan kepada tiga kumpulan yang besar. Pembahagian ini berdasarkan kepada bentuk fizikal dan bahasa pertuturan yang digunakan dalam kelompok atau kumpulan masyarakat. Selain itu, kumpulan itu merujuk kepada corak atau cara kehidupan yang mereka jalani. Begitu juga setiap kumpulan masyarakat Orang Asli dapat dibezakan melalui wilayah geografi dan bahasa. Masyarakat ini terdiri daripada Negrito, Senoi dan Melayu Proto.

Masyarakat Orang Asli Negrito merupakan kumpulan yang terbesar dengan keluasan wilayah geografi dari utara sehingga selatan termasuk lembangan dan anak-anak sungai di Banjaran Titiwangsa seperti Jeli, Cameron Highland, Gua Musang dan Jerantut (Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia, 2004). Masyarakat ini mempunyai ciri fizikal tubuh badan yang rendah dan berambut kerinting. Masyarakat ini juga sering dikaitkan dengan sikap pemalu dalam diri mereka apabila berhadapan atau berjumpa dengan masyarakat luar. Begitu juga masyarakat Orang Asli Negrito sentiasa bergerak secara nomad. Pergerakan berpindah randah ini bergantung kepada bekalan sumber makanan dan keselamatan mereka. Mereka banyak membuka hutan untuk keperluan kediaman dan makanan. Mereka melakukan secara tebang dan bakar. Mereka juga memburu dan memungut hasil hutan sebagai bahan makanan harian.

Masyarakat Orang Asli Senoi mendominasi kawasan tengah dan banjaran tengah Titiwangsa sehingga ke sempadan negeri Pahang dan Negeri Sembilan. Masyarakat yang membangunkan kawasan-kawasan lembah sungai dengan bercucuk tanam dan berburu binatang. Ramai antara mereka menetap di daerah tengah negeri Perak seperti di Tapah, Bidor, Sungkai dan Kampar (Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia, 2004). Masyarakat ini mempunyai ciri fizikal yang sederhana tinggi dan rambut yang lurus serta nipis. Masyarakat Orang Asli banyak mengalami perubahan dari segi corak kehidupan dengan sejarah perubahan yang berlaku di kejiraninan kawasan mereka. Selain bercucuk tanam dengan membuka kawasan ladang untuk sara diri, mereka juga melakukan aktiviti memburu binatang dengan cara menggunakan perangkap jerat. Mereka masih berpegang dengan kepercayaan warisan bahawa binatang tidak boleh dibunuh di dalam hutan.

Masyarakat Orang Asli Melayu Proto atau Melayu Asli merupakan masyarakat yang mendiami kawasan persisir pantai, tebing sungai utama dan berhampiran dengan kediaman masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu Proto ini mendiami kawasan tanah lembangan sungai yang terdapat jalinan anak-anak sungai. Masyarakat ini merupakan masyarakat agraria iaitu bercucuk tanam untuk makanan kecil seperti padi sawah, huma dan jagung. Masyarakat ini

mempunyai ciri fizikal yang hampir sama dengan ciri fizikal masyarakat Melayu iaitu rambut yang panjang, lebat dan lurus serta mempunyai ketinggian seperti orang Melayu, kulit berwarna sawo matang. Masyarakat ini tinggal secara kekal di suatu kawasan dengan membina rumah kediaman secara berkelompok (Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia, 2004). Mereka juga sentiasa berinteraksi, berhubung dan berkomunikasi dengan masyarakat Melayu. Kawasan mereka berhampiran dengan kawasan kampung Melayu dan mereka menjalinkan hubungan dan interaksi secara tidak langsung dan secara mudah dengan masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu Proto ini telah berasimilasi dengan budaya dan bahasa Melayu. Hal ini menyebabkan mereka berbeza dengan dua kumpulan lain; Negrito dan Senoi. Namun, masyarakat ini masih mengekalkan dan mengamalkan tradisi memburu yang diwarisi daripada golongan tua mereka.

### ORANG ASLI SUKU TEMUAN DI KAMPUNG GAPAM

Orang Asli Suku Temuan merupakan suku kaum Melayu Proto atau Melayu Asli dan rumpun bangsa keempat terbesar dalam kalangan Orang Asli. Orang Asli Suku Temuan turut dikenali sebagai Belandas dan Orang Dusun Tua (Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia, 2004). Penempatan mereka hampir keseluruhannya terletak di negeri Selangor (kecuali daerah Kuala Langat), Melaka, Negeri Sembilan, Temerloh Pahang dan Muar Johor. Kediaman masyarakat ini terletak berdekatan kampung tradisi Melayu dan di pinggiran bandar. Dari aspek kebudayaan pula, Orang Asli Suku Temuan di negara ini mengamalkan adat dan tradisi yang lebih kurang sama kecuali bagi Orang Asli Suku Temuan di Negeri Sembilan yang lebih menjurus kepada pengamalan Adat Perpatih dalam kehidupan mereka, namun tidak banyak bezanya daripada adat suku bangsa Temuan di negeri-negeri lain.

Makanan bagi Orang Asli Suku Temuan khasnya adalah sama seperti orang asli dari suku-suku yang lain. Hal ini demikian kerana kedudukan topografi mereka yang tinggal di kawasan hutan dan persekitaran semula jadi di muka bumi ini. Antara makanan tersebut ialah ubi-ubi liar (ubi kapur dan ubi tanjung), binatang buruan dan ikan, juga sayuran herba. Kesemuanya ini dapat meningkatkan kecerdasan dan membantu meningkatkan kadar vitamin dalam tubuh. Justeru, sumber makanan yang diperoleh semuanya bersumberkan dari hasil hutan yang begitu banyak, sama ada untuk kegunaan harian, perubatan, atau juga dikomersialkan sebagaimana sekarang. Malah peralatan memasak seperti senduk, bekas beras dan pinggan mangkuk juga turut menggunakan sumber-sumber hutan. Peralatan memasak utama adalah buluh. Buluh yang berbeza digunakan untuk fungsi masakan yang berbeza. Misalnya, ada buluh untuk memasak ubi kayu, buluh untuk memasak ikan, dan buluh untuk mengisi air.

Selain menikmati makanan dari sumber hutan untuk meneruskan kelangsungan hidup, makanan perubatan dari sumber hutan turut juga dimanfaatkan oleh orang asli suku Temuan seperti Tongkat Ali, Kacip Fatimah, Pokok Gajah Beranak, Pisang Hutan dan pelbagai lagi. Makanan mereka juga dimasak dengan cara yang unik sekali, antaranya dengan menggabungkan nasi dan hasil buruan seperti ikan di dalam buluh yang sama dan dibakar. Hal ini akan menambahkan lagi keenakan dan kelazatan makanan dari perisa asli yang digabungkan. Malah resepi dan cara masakan mereka yang unik ini disebarluaskan, antaranya seperti Ayam dalam Buluh, Ikan Pais dan Pulut dalam Periuk Kera.

## METODOLOGI KAJIAN

Pengumpulan data penyelidikan ini menggunakan penyelidikan kualitatif yang bersifat etnografi. Penyelidikan ini menjalankan kajian lapangan dengan menggunakan kaedah temu bual. Kaedah temu bual didapati sesuai untuk mengumpul data yang diperlukan. Kajian lapangan dijalankan di Kampung Gapam, Jasin Melaka selama tiga hari. Teknik temu bual berfokus telah diaplikasi dengan memilih beberapa individu yang berautoriti dalam masyarakat seperti Tok Batin dan berapa lelaki tua yang berpengalaman dan berdikari hidup di dalam hutan. Pengumpulan data ini juga disokong dengan bahan sekunder yang diperoleh daripada perpustakaan seperti Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Bilik Sumber Muzium Orang Asli Jasin Melaka dan Bilik Sumber Muzium Orang Asli Gombak, Kuala Lumpur. Selain itu, penyelidikan ini juga disokong dengan penggunaan buku nota, buku log, alat rakaman audio, kamera digital dan alat tulis. Data yang dikumpul perlu menjalani proses saringan supaya memperolehi data atau penemuan baharu. Proses saringan ini menggunakan teknik analisis yang sesuai dengan data yang diperlukan. Teknik analisis kandungan dan bacaan rapi digunakan untuk memdapat data yang benar-benar dan sahih bagi menjelaskan penemuan baharu kepada kajian ini. Data penemuan baharu ini perlu dibincangkan untuk dijelaskan mengenai hasil kajian.

### Konsep Pengembalian Semula

Dalam menjalankan kajian ini, pendekatan pemuliharaan yang digunakan adalah pendekatan pengembalian semula (*restoration*). Pendekatan ini digunakan bagi memahami subjek kajian dengan lebih lanjut lagi. Secara amnya, pemuliharaan bermaksud usaha memulihkan dan memelihara sumber alam semula jadi dengan bijak dan sistematik supaya dapat dinikmati oleh generasi yang akan datang.

Pemuliharaan merupakan satu proses menjaga dan mengawasi sesebuah bangunan warisan daripada dimusnahkan atau dibaik pulih tanpa perancangan dan pengurusan yang sistematik (A. Ghaffar, 2010). Pemuliharaan melibatkan kerja-kerja bagi mengekalkan keadaan asal sesebuah bangunan dan tapak warisan dan usaha ini merupakan satu proses untuk memanjangkan jangka hayat bangunan supaya ia boleh terus kekal untuk generasi yang akan datang, terdapat beberapa pendekatan yang digunakan dalam usaha memulihara dan memelihara bangunan warisan (*ibid*). Pemuliharan boleh dibahagikan kepada kaedah yang digunakan bagi memastikan tentang diberikan perlindungan dan pengekalannya. Kaedah pemuliharaan itu adalah seperti pemuliharaan, pengekalan, pengembalian semula dan pembinaan semula. Kajian ini menggunakan pendekatan pendekatan ‘Pengembalian Semula’. Menurut Siti Norlizaiha (2010), pengembalian semula bermaksud kerja-kerja membaik pulih dengan mengekalkan keaslian seni bina dan bahannya kepada suatu masa atau era tertentu yang difikirkan sesuai atau sebaik mungkin ke tahap ia mula didirikan dan seterusnya hinggalah kepenggunaan yang asal. Dalam pendekatan pengembalian semula, terdapat beberapa prinsip yang perlu dipatuhi dalam memulihara sesebuah bangunan warisan.

## ORANG ASLI TEMUAN DAN AKTIVITI PEMBURUAN

Orang Asli Suku Temuan sinonim dengan gaya hidup pedalaman dan kurang mendapat pendedahan daripada dunia luar. Oleh disebabkan itu, kebanyakan warisan dan budaya turun temurun yang diamalkan dalam kehidupan harian masyarakat ini tidak dibukukan atau dicatat untuk dijadikan sebagai bukti ketamadunan mengikut peredaran zaman serta dijadikan sumber rujukan ilmiah buat para akademik dan juga sebagai aset warisan negara pada masa hadapan. Namun kini, para ilmuwan terutama daripada bidang sains sosial semakin cenderung dalam

membuat penyelidikan tentang Orang Asli Suku Temuan dan cara kehidupan mereka. Pelbagai pendekatan yang telah dilakukan dalam kajian Orang Asli Suku Temuan termasuklah dari sudut sejarah asal usul, geografi, ekonomi, dan antropologi. Tokoh seperti Anderson (1850) dan Hole (1888) adalah merupakan pengkaji-pengkaji terawal yang telah membuat kajian mengenai Orang Asli Suku Temuan.

Aktiviti sosioekonomi yang berteraskan sara diri atau cukup hidup merupakan aktiviti utama yang dijalankan oleh rata-rata Orang Asli Suku Temuan. Aktiviti ini biasanya melibatkan kegiatan pemburuan di hutan mahupun di sungai dengan menggunakan peralatan tradisional mereka yang tersendiri. Pada amnya, alatan-alatan ini telah digunakan sejak turun temurun dan biasanya diperbuat daripada bahan-bahan yang mudah didapati di sekeliling kehidupan mereka. Antara contoh alatan yang diketahui adalah seperti sumpitan, panah, belantik, perangkap, dan jerat. Penggunaan alat-alat yang dinyatakan di atas masih lagi digunakan terutama sekali bagi masyarakat Orang Asli pedalaman (Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia, 2004).

Bagi sesetengah komuniti Orang Asli seperti Suku Kenyah, aktiviti berburu menggunakan jerat mahupun perangkap tidak dapat dipisahkan terutamanya perburuan khinzir kerana daging haiwan berkenaan memiliki erti tersendiri dalam kehidupan masyarakat, khusus dalam menyambut acara atau upacara penting dalam keluarga mahupun dalam kampung. Acara yang dimaksudkan adalah seperti pernikahan, menyambut kelahiran seorang bayi, dan juga upacara adat yang lain (Imang et al., 2002). Berbanding dengan suku kaum yang lain, ada juga yang menjadikan aktiviti perburuan sebagai aktiviti sampingan disebabkan hasil ladang yang sering tidak mencukupi keperluan keluarga dalam setahun ataupun haiwan yang diburu merupakan haiwan yang bermusim dan tidak terdapat di dalam hutan pada setiap masa.

Walaupun dikatakan setiap kaum Orang Asli mempunyai ciri-ciri unik yang istimewa dan tersendiri, namun terdapat juga persamaan dari beberapa aspek. Hal ini termasuklah bagi alatan yang digunakan dalam aktiviti berburu. Imang et al. (2002) menyatakan bahawa alat-alat berburu yang digunakan oleh Suku Kenyah dan Suku Punan pada prinsipnya tidak jauh berbeza, bahkan dapat dikatakan bahawa peralatan yang digunakan adalah sama. Pada kebiasaannya pemakaian suatu alat tertentu selalu diikuti atau ditiru oleh suku kaum yang lain kerana sejak zaman dahulu lagi memang asal hidup di hutan dan sumber kehidupan mereka banyak bergantung dari hasil hutan, khususnya binatang buruan.

Namun begitu, ada juga masyarakat Orang Asli yang menggunakan jerat dalam perburuan haiwan liar yang sesetengahnya dianggap sebagai spesies terancam. Menurut Primack et al. (1998), rendahnya tahap pendapatan masyarakat akan menyebabkan masyarakat melakukan perburuan, dan rendahnya tahap pendidikan masyarakat menyebabkan kebergantungan terhadap alam atau kawasan cukup tinggi (Soemarwotowo et al., 1992). Di dalam kajian Alex Sander et al. (2005) di Pekon Way Nipah, dinyatakan tahap pendapatan masyarakat yang rendah menyebabkan aktiviti perburuan liar dengan menggunakan pelbagai jenis jerat sebagai aktiviti tambahan cukup tinggi. Hasil tangkapan jerat yang diperdagangkan sama ada burung mahupun mamalia besar cukup tinggi dan ini merupakan indikasi adanya permintaan haiwan dalam kalangan masyarakat. Menurut Nugroho (2003), permintaan pasaran yang tinggi terhadap sesetengah haiwan kerana nilai jualan haiwan tersebut bergantung pada nilai eksotik dan tahap kesulitan bagi proses penangkapan.

### Jenis-Jenis Jerat

Jerat menurut sebagai tali yang hujungnya disimpulkan sehingga merupakan bulatan yang dapat dibesarkan dan dikecilkkan atau mencerut untuk menangkap burung dan binatang kecil yang lain. Jerat digunakan dalam masyarakat Orang Asli semasa aktiviti perburuan bagi tujuan yang paling utama iaitu untuk mendapatkan makanan. Selain itu, jerat juga dipasang sebagai

salah satu cara untuk menangkap haiwan yang boleh menjadi perosak di kawasan bercucuk tanam. Menurut Imang et al. (2002), terdapat elemen sukan dan pengembaraan, rekreasi, sosial ekonomi dan budaya, serta banyak menggunakan ilmu-ilmu alam dalam aktiviti perburuan selain daripada hanya memenuhi keperluan untuk mendapatkan makanan.

Kepelbagai rupa bentuk jerat yang dicipta dan dipakai oleh masyarakat Orang Asli adalah meliputi persekitaran, situasi, jenis dan saiz haiwan yang diburu. Persekitaran aktiviti perburuan biasanya boleh meliputi kawasan hutan yang berdekatan dengan penempatan Orang asli ataupun ke dalam hutan jauh daripada kawasan penempatan mereka. Jenis haiwan yang diburu pula bergantung pada tujuan aktiviti ini dijalankan. Sebagai contoh, untuk dijadikan sumber makanan, sumber ubat-ubatan, mahupun dijadikan sebagai pakaian seperti kulit haiwan dan bulu haiwan. Antara jenis-jenis jerat yang diketahui ialah Jerat Serkap, Jerat Pemukul, Jerat Tikus, Jerat Sembat, dan Jerat Libas.

### **Jerat Serkap**

Serkap bererti sejenis alat untuk menyungkup atau mengurung haiwan seperti ayam atau binatang lain. Jerat Serkap dibuat berdasarkan saiz fizikal binatang yang menjadi sasaran. Semakin besar jerat yang dibina, semakin besar saiz haiwan sasaran. Jerat jenis ini sering dipasang di dalam hutan untuk memerangkap haiwan yang bersaiz sederhana seperti rubah, rusa, babi liar, dan kadang kala harimau. Bahan utama yang diperlukan untuk membuat jerat ini adalah kayu-kayu yang kukuh dan keras serta tali untuk mengikat antara satu kayu dengan kayu yang lain. Setiap batang kayu itu disusun dan diikat dengan kukuh supaya menjadi seperti sebuah kotak dan pintu masuk untuk jerat ini. Ikatan haruslah kuat agar ia tidak menjadi longgar apabila haiwan meronta-ronta untuk keluar apabila telah terperangkap.

### **Jerat Pemukul**

Jerat Pemukul ialah alat yang digunakan untuk memukul. Jerat jenis ini menggunakan kaedah pukulan bagi haiwan yang terperangkap di dalamnya. Bagi jerat jenis ini biasanya digunakan untuk haiwan bersaiz kecil dan ringan seperti burung. Namun sesekali terdapat juga haiwan selain burung yang bersaiz sederhana dan besar terjerat melalui perangkap ini iaitu seperti rubah dan harimau. Batang kayu yang besar dan berat merupakan bahan utama bagi jerat ini. Beberapa kayu lain akan ditanam secara menegak ke dalam tanah dan kayu-kayu ini akan menjadi seperti pemegang bagi batang kayu yang besar tadi. Satu bahagian hujung kayu yang besar tadi akan terletak di atas tanah manakala hujung yang lagi satu akan diikat tinggi dan disambungkan dengan tali yang menahan penyendal di bahagian hadapan jerat. Bahagian ini akan diikat dengan satu kayu yang berbentuk tirus dan tajam yang bertujuan untuk mencederakan haiwan yang terlanggar penyendal lalu terperangkap.

### **Jerat Tikus**

Jerat Tikus jenis buluh merupakan perangkap yang secara keseluruhannya diperbuat daripada buluh dan khusus untuk memerangkap tikus atau haiwan yang mempunyai anatomi bersamaan dengan tikus. Jerat ini digunakan untuk menangkap tikus yang bergerak secara merangkak. Sepanjang satu ruas bulu diperlukan untuk menghasilkan jerat ini di mana di bahagian dalam buluh tersebut akan diletakkan buluh-buluh kecil yang runcing dan disangkut dengan penyangkut yang diperbuat daripada tali, rotan, atau ranting yang keras dan dilentikkan. Apabila tikus memasuki bahagian dalam buluh tersebut, buluh-buluh yang runcing yang dipasang di bahagian dalam jerat akan menyentap bahagian kepala tikus lalu kemudiannya

mengakibatkan tikus tersebut mati. Umpam yang sesuai juga diperlukan agar dapat mengelirukan tikus untuk mengetahui keadaan di dalam jerat berkenaan.

### **Jerat Sembat**

Jerat Sembat adalah sejenis jerat yang dipasang di atas tanah. Jerat jenis ini sesuai digunakan untuk memerangkap ayam hutan ataupun burung kerana reka bentuk jerat yang boleh mengelirukan mangsanya. Selain itu, jerat ini juga menggunakan tali yang sesuai untuk menjerut kaki haiwan yang bersaiz kecil dan sederhana. Jerat ini diperbuat menggunakan bahan utama yang amat mudah didapati iaitu ranting ataupun buluh keras yang mempunyai ciri boleh dilentikkan dengan mudah. Di bahagian hujung jerat ini terdapat penjerut yang boleh dibuat daripada tali, rotan, ataupun wayar. Jerat ini perlu diletakkan di atas tanah di kawasan yang sering dilalui oleh haiwan berkenaan. Umpam yang bersesuaian akan diletakkan di tengah-tengah bulatan penjerut tadi untuk menarik perhatian mangsanya iaitu ayam hutan. Pencetus atau penyendal juga dipasang pada penjerut berkenaan dan pada masa yang sama apabila kaki haiwan menyentuh pencetus, lantas ia akan menjerut haiwan tersebut. Jerat ini menjadi lebih efektif jika diletakkan di tempat yang banyak dijumpai kesan kais serta tapak kaki haiwan berkenaan.

### **Jerat Libas**

Jerat Libas merupakan sejenis jerat yang menggunakan kaedah melibas ke arah haiwan yang mendekati jerat jenis ini. Jerat ini digunakan untuk memerangkap haiwan bersaiz sederhana dan kecil seperti burung dan ayam. Bahan asas yang diperlukan untuk menyediakan jerat ini adalah ranting pokok yang keras dan bersifat boleh dilentikkan. Beberapa batang kayu ditanam ke dalam tanah dan kemudiannya akan diikatkan dengan satu bahagian hujung ranting yang akan digunakan untuk melibas. Kemudiannya, bahagian hujung yang lagi satu bagi ranting dilentikkan ini akan diikat dengan lembing atau buluh-buluh tajam yang bertujuan untuk mencederakan haiwan buruan. Haiwan yang menghampiri kawasan jerat akan terkena penyendal dan sekali gus akan dilibas oleh ranting itu tadi dan kemungkinan akan mengalami kecederaan kesan daripada terkena bahagian lembing atau buluh tajam.

## **JERAT SEMBAT MASYARAKAT ORANG ASLI TEMUAN**

Jerat Sembat yang merangkumi aspek keperluan penggunaannya, kaedah pembuatan yang dilakukan, teknik yang dipraktikkan dalam melakukan aktiviti menjerat, dan cara mengenal pasti kawasan pemasangan yang paling sesuai untuk jerat diletakkan. Melalui sesi temu bual bersama Encik Ameng iaitu wakil penduduk Suku Temuan mendapati bahawa penggunaan Jerat Sembat adalah tidak asing terutamanya bagi golongan dewasa di Kampung Gapam. Pembuatan Jerat Sembat dianggap mudah kerana bahan-bahan yang penting dalam pembuatannya boleh didapati dalam lingkungan persekitaran perkampungan Orang Asli itu sendiri.

### **Jerat Sembat Suku Temuan**

Jerat Sembat merupakan satu kaedah tradisional untuk menangkap haiwan sama ada untuk dijadikan makanan untuk keraian ataupun digunakan sebagai satu kaedah untuk mengawal tanaman dan kawasan perkampungan daripada dimusnahkan oleh musuh. Jerat Sembat

dipasang untuk menangkap binatang kecil serta sederhana. Ia diletakkan di atas tanah ataupun pokok yang sering menjadi laluan haiwan yang menjadi sasaran.

### Bahan Pembuatan Jerat Sembat

Beberapa keperluan yang utuh dapat dikenal pasti bagi penggunaan jerat jenis ini. Pertama sekali, reka bentuk dan bahan yang digunakan untuk Jerat Sembat amat sesuai digunakan dalam aktiviti memburu haiwan yang bersaiz kecil dan sederhana seperti ayam dan burung. Dalam erti kata lain, Jerat Sembat diperlukan kerana jerat jenis ini memfokuskan haiwan buruan yang tidak besar. Bahan utama yang diperlukan ialah kayu atau ranting yang bersifat liat dan boleh dilentur serta tidak mudah reput atau patah.

### Pembuatan Jerat Sembat

Orang Asli Suku Temuan merupakan masyarakat yang kreatif dan juga terkenal dengan ilmu kehutannya lebih-lebih lagi berkaitan dengan jerat dan juga perangkap. Orang Asli Suku Temuan sering menggunakan jerat dalam aktiviti memburu mereka. Hal ini kerana kawasan ataupun lokasi yang didiami mereka dikelilingi dengan hutan dan juga kawasan bukit bukau. Pada kebiasaannya, setiap ketua keluarga Suku Temuan ini akan mahir tentang ilmu jerat dan juga perangkap yang diamalkan oleh Orang Asli Suku Temuan.

Proses awal yang terlibat terdiri daripada pencarian dan pengumpulan bahan-bahan utama seperti ranting dan dahan. Jerat Sembat diperbuat daripada kayu yang dipilih biasanya daripada jenis kayu yang liat dan tahan lama seperti kayu tambun, kayu nangka, lada, tanduk sira, merbau, sena dan belian. Orang Asli Suku Temuan lebih suka menggunakan kayu tambun untuk membuat Jerat Sembat kerana kayu tersebut mudah didapati. Kayu yang dipilih adalah berdasarkan sasaran binatang, jika haiwan kecil, kayu bersaiz kecil dipilih untuk buat jerat. Bahan sampingan lain adalah tali, parang dan juga playar. Parang digunakan untuk menebas dan memotong bahagian-bahagian kayu manakala playar pula untuk memotong dan mengikat kawat besi atau tali.

Proses akhir pembuatan Jerat Sembat meliputi cara-cara setiap komponen dipasang dan disatukan sehingga menjadi sebuah peralatan jerat yang sempurna berserta dengan elemen-elemen mantera turun temurun yang diajar nenek moyang mereka supaya pemburuan yang dijalankan itu diberkati daripada mula melangkah keluar rumah hingga selesai aktiviti ini. Masyarakat Orang Asli Temuan sering menjaga pantang larang iaitu ingin keluar berburu tidak boleh memakan makanan lebihan semalam sama ada nasi mahupun lauk pauk. Mereka percaya jika pemburu memakan makanan lebihan semalam pada hari yang ingin keluar berburu, ia tidak akan mendatangkan sebarang hasil pada hari itu. Jerat akan dipasang di kawasan yang sudah ditandai selepas dua ataupun tiga hari berikutnya. Jerat ini biasanya dipasang pada waktu pagi di kawasan semak-semak, celah-celah pohon, di banir pohon, kebun dan kawasan yang berdekatan dengan sungai atau sumber makanan yang mempunyai kesan kais dan tapak kaki ayam. Mereka akan memasang sekurang-kurangnya 10 perangkap dengan jarak 7 tapak antara perangkap-perangkap tersebut. Bagi teknik penyamaran pula, sebahagian kawasan tepi, tempat tali penjerut diletakkan akan ditutup dengan daun-daun kering serta dikelilingi dengan ranting-ranting tumbuhan kecil yang dicucuk ke tanah supaya tali penjerut berkenaan tidak terlihat oleh ayam yang diburu. Cara ini dapat meningkatkan lagi peluang untuk mendapatkan hasil buruan.

## PERBINCANGAN

Hubung kait antara penggunaan jerat dengan budaya Orang Asli Suku Temuan turut dianalisis menggunakan kaedah pengembalian semula (*restoration*). Kejayaan dalam setiap kerja-kerja pemuliharaan warisan menurut pendapat Siti Norlizaiha Harun (2010) dan Mohd Yuszaidy & Muammar Ghaddafi (2015) adalah berdasarkan kepada prinsip-prinsip asas pemuliharaan warisan itu sendiri jika ianya dipatuhi. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan kerja-kerja pemuliharaan warisan dijalankan dengan teknik dan kaedah pemuliharaan yang betul, maka pemahaman terhadap prinsip-prinsip asas pemuliharaan warisan adalah amat penting dan perlu diketahui dan dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat dengan kerja-kerja pemuliharaan warisan. Ahmad (2006) seterusnya telah mencadangkan empat prinsip utama yang perlu diamalkan dalam pemuliharaan sesuatu warisan iaitu:

1. Meminimakan gangguan.
2. Menjalankan kajian saintifik dan ujian makmal.
3. Mendokumentasikan kerja-kerja pemuliharaan.
4. Mengaplikasikan kaedah dan teknik yang terbukti berkesan

Dalam menjalankan kerja-kerja pengembalian semula, terdapat beberapa prinsip-prinsip yang harus dipatuhi. Oleh itu, kajian ini akan melihat kepada prinsip-prinsip pengembalian semula mengikut perspektif Orang Asli Suku Temuan Kampung Gapam, badan kerajaan iaitu Jabatan Warisan Negara dan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Prinsip-prinsip pengembalian semula yang telah diubahsuai mengikut kesesuaian kajian adalah seperti berikut:

- a. Mengelihara ciri-ciri nilai estetika pemasangan jerat yang asal.
- b. Mengeluarkan sebarang tambahan atau elemen baru yang tidak menyamai era yang asal tetapi merekodkannya dahulu.
- c. Memulihara ciri-ciri nilai estetika pemasangan jerat yang asal.
- d. Menggantikan alatan atau mana-mana bahan yang sukar ditemukan dengan bahan yang sama.
- e. Menggantikan mana-mana ciri-ciri dan elemen yang hilang berdasarkan bukti-bukti sejarah dan jumpaan fizikal.
- f. Tidak boleh menukar sebarang bukti atau mencampur adukkan bukti dari era penggunaan jerat oleh Orang Asli Suku Temuan di negara ini.

Dalam kajian ini, jerat adalah satu alatan daripada bahan kesenian budaya dan warisan yang telah dipilih oleh penulis. Kajian bagi pemuliharaan jerat tidak banyak dilakukan terutama sekali bagi pengkaji dan ilmuan dari bidang sains sosial. Meniti arus pemodenan negara masa kini, golongan muda Orang Asli semakin kurang berminat untuk mendalami ilmu untuk mewarisi seni pembuatan alatan jerat yang semakin kurang dihasilkan. Namun begitu, penggunaan alatan jerat ini masih digunakan oleh masyarakat setempat dalam rutin harian mereka. Oleh yang demikian, langkah-langkah pemuliharaan perlu diambil supaya cara pembuatan Jerat Sembat serta jerat-jerat yang lain masih dapat dihasilkan pada masa hadapan.

Langkah-langkah praktik harus diambil oleh pihak yang berkaitan agar kebudayaan Orang Asli yang unik ini dapat dihargai dan dilestarikan sebagai warisan budaya turun temurun nenek moyang mereka. Bak kata pepatah, tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas. Jika semua pihak mempunyai kesedaran dan inisiatif dalam usaha mencari dan mengekalkan warisan budaya yang lampau, maka sudah semestinya peninggalan budaya tersebut semakin

dihargai. Sebelum negara dan masyarakat yang mempunyai kepelbagaiannya sosiobudaya ini kehilangan identiti dan warisan yang dimiliki, usaha dalam proses pengekalan dan pemuliharaan yang komprehensif dan bersepada wajar dilakukan bermula dari peringkat asas. Menurut Ong Puay Liu et al (2010), usaha-usaha ini boleh dilakukan dalam pelbagai cara termasuklah menerusi penyertaan secara individu mahupun komuniti secara keseluruhannya.

Satu konsep pemuliharaan telah dibina supaya susur galur bagi langkah-langkah ekstensif dapat dikenal pasti agar matlamat dapat disampaikan dengan jelas. Kajian Jerat Sembat bagi Suku Temuan di Kampung Gapam, Jasin menunjukkan bahawa pembangunan dan kemajuan negara mempengaruhi perubahan budaya yang boleh menjelaskan warisan kesenian. Isu ini secara langsung menyebabkan perubahan budaya asli yang dipengaruhi oleh kemasukan budaya luar (Norazit Selat, 1993). Dalam konteks ini, budaya luar adalah seperti budaya pelancong asing mahupun budaya yang diterap ketika berurus di kawasan luar dari perkampungan. Teori difusi yang dibangkitkan melalui kajian Zuriatunfadzliah Sahdan, Rosniza Aznie CheRose dan Habibah Ahmad (2009) menyatakan bahawa kemasukan budaya luar yang lebih tinggi berbanding budaya masyarakat penerima mengakibatkan proses difusi berlaku. Hal ini memperlihatkan peranan difusi sebagai satu proses yang dipilih, sama ada Orang Asli tersebut mahu menerima atau menolak kemasukan budaya luar.

Suatu kajian bagi merangka strategi pembangunan mapan Komuniti Orang Asli yang dijalankan oleh Khairul Hisham Kamarudin (2005) menjelaskan bahawa proses transformasi dan integrasi masyarakat pribumi dengan sistem ekonomi moden hari ini telah mula mengakis nilai dan amalan tradisional Orang Asli. Secara langsung, kesan terhadap komuniti pribumi adalah hilangnya identiti asli dan mengakis amalan semasa yang berpandukan Ilmu pengetahuan tradisi yang selama ini dipertahankan. Tuntasnya, situasi ini dapat memperlihat keadaan golongan muda yang berasa kurang minat untuk mengambil tahu dan mempelajari pengetahuan tradisional dalam kalangan komuniti Orang Asli itu sendiri. Dalam usaha mengatasi masalah yang dibincangkan sebelum ini, pendekatan pemuliharaan akan dikupas melalui dua aspek iaitu kebudayaan dan pendidikan.

### Pengembalian Semula Jerat Sembat

Antara cara dan kaedah pemasangan Jerat Sembat yang diwarisi oleh nenek moyang dan dipulihara dengan menggunakan prinsip yang terdapat dalam pendekatan pengembalian semula seperti berikut:

- i. Membuat kayu berbentuk huruf ‘Y’. Mereka menggunakan kayu yang dibentuk menjadi huruf ‘Y’ untuk dipacakkkan di dalam tanah dan dijadikan sebagai ‘tiang jerat’. Kebanyakkan Orang Asli Suku Temuan menggunakan besi yang sudah diubah suai.
- ii. Menggunakan Pokok Tambun. Sebelum memilih sesuatu pokok, Encik Ameng akan memerhatikan kawasan persekitaran pokok Tambun tersebut. Pokok Tambun yang digunakan oleh Encik Ameng untuk memasang Jerat Sembat mestilah kawasan yang telah dilalui oleh haiwan yang hendak diburu. Selain itu, pokok Tambun yang digunakan oleh beliau adalah sejenis pokok yang tidak mudah patah dan ia adalah sejenis pokok yang kuat. Saiz pokok Tambun yang digunakan juga adalah berdasarkan saiz haiwan yang hendak dijerat. Jika saiz haiwan yang hendak dijerat besar, maka saiz pokok Tambun yang besar akan digunakan untuk memasang Jerat Sembat.
- iii. Menggunakan Daun Maya. Daun Maya digunakan untuk mengaburi binatang yang hendak dijerat. Daun Maya akan dipetik jauh dari tempat Jerat Sembat tersebut dipasang untuk mengelakkan haiwan yang hendak dijerat mengetahui kawasan tersebut telah dilalui manusia. Selain daripada itu, menurut Encik Ameng, daun tersebut boleh menghilangkan kesan bau manusia. Seterusnya memacakkan semula pokok. Pokok-

- pokok kecil yang telah dicabut untuk meluaskan kawasan pemasangan Jerat Sembat akan diletakkan semula oleh Encik Ameng. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan daripada haiwan yang hendak dijerat mengetahui kehadiran manusia di kawasan tersebut. Menurut Encik Ameng, haiwan di dalam hutan mengenali jika sesuatu lokasi dilalui oleh manusia. Selain daripada itu, pokok-pokok tersebut juga berfungsi sebagai penghadang laluan haiwan yang hendak dijerat. Pokok-pokok tersebut akan dipacangkan di sebelah kiri dan kanan Jerat Sembat. Hal tersebut dilakukan adalah untuk memastikan haiwan yang hendak dijerat melalui kawasan jerat yang telah dipasang
- iv. Menggunakan umpan yang sesuai. Umpan yang digunakan untuk Jerat Sembat pada kebiasaannya adalah beras. Penggunaan umpan adalah bergantung kepada jenis binatng yang hendak dijerat. Pada kebiasaannya Orang Asli Suku Temuan Kampung Gapan menggunakan Jerat Sembat untuk menjerat ayam hutan.
  - v. Jumlah Jerat Sembat yang dipasang. Orang Asli Suku Temuan akan memasang tidak kurang daripada tujuh Jerat Sembat di suatu lokasi. Hal ini kerana laluan yang dilalui oleh binatang yang hendak dijerat kadang kala bertukar tetapi lokasi laluannya adalah sama. Selain daripada itu, Encik Ameng memasang Jerat Sembat yang banyak pada satu lokasi adalah untuk mendapatkan hasil buruan yang maksimum. Kebarangkalian untuk mendapat hasil buruan yang banyak juga bergantung kepada jumlah Jerat Sembat yang dipasang pada satu lokasi.
  - vi. Mengemas lokasi Jerat Sembat. Apabila sudah selesai memasang kesemua Jerat Sembat, Encik Ameng akan membersihkan lokasi tersebut. Daun-daun yang telah gugur dan ranting kayu yang telah patah akan dibersihkan. Hal ini dilakukan untuk mengelakkan daripada haiwan yang hendak dijerat mengetahui lokasi tersebut telah didatangi oleh manusia. Selain daripada itu, ranting dan daun yang telah dipegang haruslah dibersihkan kerana ia akan meninggalkan bau manusia.

Jerat merupakan salah satu daripada alatan yang menjadi komponen kepada warisan dan budaya terutama bagi Orang Asli Suku Temuan Kampung Gapam. Bagi masyarakat kaum ini, jerat memainkan dua peranan yang paling utama iaitu sebagai kaedah mencari sumber makanan bagi hari-hari biasa ataupun hari sambutan keraian, dan juga sebagai satu cara untuk mengawal kawasan tanaman serta kawasan perkarangan rumah daripada ancaman musuh.

Sosiobudaya merujuk kepada aspek yang berkaitan dengan adat resam, ritual, makanan, hubungan sosial, pantang larang dan identiti serta simbol bagi sebuah kelompok masyarakat (Mustafa Omar, 2009). Setiap masyarakat mempunyai ciri-ciri budaya tersendiri yang menjadi lambang identiti mereka. Keluhuran budaya sesuatu masyarakat pula dibentuk berdasarkan keperluan dan persekitaran semula jadi. Walaubagaimanapun, sesuatu budaya yang menjadi amalan dalam masyarakat akan mengalami proses asimilasi dan adaptasi sehingga mencetuskan berlakunya perubahan. Disebabkan itu, boleh dikatakan warisan kebudayaan dalam setiap masyarakat pasti akan mengalami perubahan. Menurut Rohana Yusof (2010), secara umumnya maksud perubahan di sini ialah apabila sesuatu kumpulan manusia itu telah menjalankan sesuatu aktiviti kehidupan yang berbeza daripada yang telah dilakukan oleh generasi sebelumnya.

Dalam konteks penggunaan Jerat Sembat Orang Asli Suku Temuan Kampung Gapam, terdapat beberapa ritual yang diamalkan oleh mereka ketika melakukan aktiviti memburu menggunakan Jerat Sembat. Ritual ini telah lama diamalkan oleh mereka sejak turun temurun lagi. Akan tetapi penggunaan Jerat Sembat yang berkurang oleh Suku Temuan pada masa kini telah mengakibatkan budaya dan juga ritual yang diamalkan semasa memasang Jerat Sembat telah mula berkurangan. Selain daripada itu, aktiviti memasang Jerat Sembat oleh Orang Asli Suku Temuan dilakukan secara beramai-ramai jika terdapat suatu keraian ataupun majlis. Jika dilihat pada konteks sosiobudaya, aktiviti memasang Jerat Sembat ini dapat mengeratkan

silaturahim serta hubungan antara sesama mereka khususnya masyarakat Orang Asli di Kampung Gapam, Jasin.

Dalam kajian Khairul Hisham Kamarudin (2005), proses transformasi dan integrasi masyarakat pribumi dengan sistem ekonomi moden hari ini telah mula menghakis nilai dan amalan tradisional mereka. Manakala kesan langsung terhadap komuniti pribumi adalah hilangnya identiti asal mereka, menghakis amalan semasa yang berpandukan ilmu pengetahuan tradisi yang selama ini dipertahankan. Situasi ini dapat dapat dirujuk kepada golongan pemuda kurang berminat mengetahui dan mempelajari pengetahuan tradisional dalam kalangan generasi komuniti Orang Asli itu sendiri. Suku Jahut yang sudah sebat dengan tempias pembangunan masih tidak melupakan bahan kesenian yang diwariskan oleh nenek moyang mereka iaitu mengukir patung kayu. Tetapi kesenian itu mungkin tidak kekal lama kerana cuma tinggal seorang sahaja pengukir suku Jahut, iaitu Hassan Majid yang sudah lanjut usia dan kerap uzur. Hal ini kerana tiada generasi baru yang meminati bidang itu. Selain itu, generasi muda dari komuniti Orang Asli pada hari ini juga dilihat semakin melupakan warisan budaya komuniti mereka akibat arus pembangunan dan pemodenan.

Sosiod budaya dan amalan tradisi Orang Asli Suku Temuan terutama penggunaan Jerat Sembat akan terancam atau semakin kurang diamalkan oleh generasi akan datang apabila aktiviti memasang jerat ini kurang dilakukan oleh masyarakat tersebut. Untuk mengekalkan sosiod budaya Orang Asli Suku Temuan ini, satu usaha yang keras perlu dilakukan oleh mereka lebih-lebih lagi pelapis muda Suku Temuan.

Berdasarkan ubah suai daripada prinsip-prinsip pengembalian semula (*restoration*) berkenaan dengan Jerat Sembat, beberapa perkara dapat dibincangkan. Pertamanya, fungsi utama bagi penggunaan jerat mestilah dikekalkan tanpa sebarang penambahan atau olahan fungsi lain supaya objektif utama bagi pemuliharaan jerat ini tidak akan berubah walaupun perubahan era berlaku. Sama juga harus diaplikasi bagi elemen-elemen yang terlibat sepanjang proses pemasangan jerat dijalankan. Contohnya adalah seperti pantang larang, jampi serapah atau doa, serta petua-petua daripada nenek moyang mereka. Elemen-elemen ini yang menjadi amalan kebiasaannya bagi golongan berusia haruslah diturunkan kepada anak-anak mereka iaitu generasi yang lebih muda dengan cara pengamatan secara langsung ataupun membuat catatan yang dibukukan supaya maklumat-maklumat penting yang berkaitan dapat dijadikan sebagai rujukan dan bukti pada masa hadapan. Menurut Liliy Salwani Razali & Shaiful Bahri Md Radzi (2019) dan Mohd Yuszaidy, Hanapi & Ab Samad (2011), maklumat yang diperoleh kebiasaannya adalah melalui penyampaian secara lisan dari generasi ke generasi. Ini boleh menyebabkan berlakunya keciciran maklumat semasa penyampaian dan secara tidak langsung menyebabkan maklumat tersebut semakin terhakis. Dapat dilihat di sini bahawa pendokumentasian itu penting supaya maklumat-maklumat yang berguna dibukukan supaya boleh dijadikan rujukan pada masa hadapan.

Seiring dengan arus pemodenan dan kemajuan negara, Orang Asli juga sedikit sebanyak mendapat tempiasnya. Hal ini dapat dimaksudkan dengan cara kerja yang lebih mudah atau ringkas dengan bantuan alatan yang dapat memudahkan urusan sehari-hari mereka. Perihal ini dapat dikaitkan dengan pembuatan jerat itu sendiri. Pembuatan jerat tradisional hanya menggunakan bahan-bahan yang mudah didapati di persekitaran rumah mereka seperti ranting-ranting kayu yang digunakan dalam struktur utama sesuatu jerat dan juga serat-serat kayu yang digunakan sebagai tali yang menjadi komponen untuk menyatukan sesuatu bahagian jerat. Kini, penggunaan tali daripada serat-serat kayu tersebut telah ditukar kepada bahan yang lebih mudah didapati kerana proses untuk membuat tali daripada serat kayu memakan masa yang lama untuk disiapkan. Selain itu, struktur yang lebih kuat seperti tali tangsi, kawat besi, dan juga tali nilon juga boleh membantu pemburu untuk menyesuaikan bahan yang digunakan dengan haiwan yang menjadi sasaran. Walaupun bahan-bahan ini mempunyai kelebihan masing-masing, namun bahan asli yang menjadi asal-usul wujudnya seutas tali yang digunakan

dalam menjerat tidak harus dilupakan. Catatan haruslah dibuat dan dibukukan supaya asal usul tradisi dan warisan nenek moyang Orang Asli ini tidak dilupakan.

Penerapan nilai estetika dapat membantu dalam mengenali dan memahami unsur seni, prinsip dan struktur rekaan untuk sesuatu bahan kraf tangan. Ia dapat meningkatkan daya sensitiviti estetik melalui pengalaman deria dan pengalaman empati terhadap objek yang konkret, abstrak dan relatif (Mazlan, 1997). Pengalaman deria yang bersifat langsung iaitu melalui proses membuat atau proses penghasilan produk seni manakala pengalaman empati iaitu melalui kajian, penerokaan, eksperimen dan daptan dari pelbagai sumber dan maklumat dalam proses penghasilan produk seni. Sepanjang proses pemasangan jerat dijalankan, nilai-nilai estetika inilah yang mengeratkan lagi hubungan antara Orang Asli kerana wujudnya unsur tolong-menolong dan bekerjasama selain penerapan ciri-ciri keindahan melalui idea, reka cipta serta kreativiti yang diilhamkan melalui penghasilan jerat yang dibuat. Estetika juga boleh dicirikan sebagai satu simbolik yang dihasilkan oleh manusia melalui kreativiti dan juga berkaitan dengan komunikasi dan ia juga dapat membina kepekaan dan pertimbangan dalam diri individu, masyarakat dan persekitaran.

Seterusnya, kayu ialah satu komponen utama dalam pembuatan Jerat Sembat. Menurut Encik Ameng melalui sesi temu bual yang telah dijalankan, antara jenis kayu yang sesuai digunakan bagi jerat jenis ini ialah kayu daripada pokok Tambun, kayu Nangka, Lada, Tanduk Sira, Merbau, Sena dan Belian. Kesemua jenis kayu ini mempunyai ciri-ciri liat dan tahan lama. Namun, tidak semua jenis dari kayu-kayu ini mudah didapati di kawasan hutan berdekatan Kampung Gapam. Misalnya, kayu Tanduk Sira sukar untuk didapati kerana kepupusan dan sukar untuk dijumpai manakala kayu Belian juga sukar didapati dan hanya terdapat di Borneo Sarawak sahaja. Sungguhpun begitu, satu jenis kayu yang mudah didapati di kawasan hutan yang mereka diam di dalamnya ialah kayu daripada pokok Tambun. Dengan ini, pembuatan Jerat Sembat Suku Temuan masih lagi dapat diteruskan oleh generasi baru dan seterusnya hal ini dapat menjadi satu warisan kraf tangan Suku Temuan yang dapat dibanggakan.

Selain daripada itu, berdasarkan kajian literatur mengenai jerat yang telah dijalankan mendapati bahawa terdapat beberapa suku kaum Orang Asli di negara luar yang turut menggunakan konsep yang sama seperti Jerat Sembat iaitu seperti Suku Nduga di daerah Sawaerma, Indonesia dan Suku Dayak Kenyah dan Suku Punan di daerah Malinau, Indonesia. Walaupun cara pembuatan bagi jerat jenis ini adalah sama, namun nama dan bahan yang digunakan adalah berbeza mengikut tempat asal masing-masing. Menurut kajian yang dilakukan oleh Doje Tana et al. (2014), kebanyakan teknik-teknik membuat jerat adalah sama tetapi nama-nama berbeza berdasarkan suku dan tempat asal masing-masing. Perihal yang cuba ingin disampaikan di sini ialah, walaupun teknik atau rupa bagi jerat jenis ini adalah sama, namun jenis-jenis kayu, bahan, cara serta pantang larang yang diguna serta diamalkan adalah berbeza mengikut budaya dan warisan kaum masing-masing. Hal ini penting kerana identiti setiap kaum Orang Asli harus dimartabatkan oleh masyarakat itu sendiri supaya segala warisan turun temurun mereka dapat dipulihara dan dikekalkan hingga ke masa akan datang.

Tuntasnya, setiap kraf tangan tradisional mempunyai sejarah yang paling panjang seiring dengan perkembangan ketamadunan manusia (Mohammed Anwar Omar Din, 2008). Dalam konteks kajian ini, Jerat Sembat merupakan kraf tangan Orang Asli Suku Temuan Kampung Gapam yang dipilih oleh penulis untuk dipulihara sebagai satu kraf tangan warisan yang kian kurang digunakan terutama sekali oleh generasi muda. Melalui rangka kerja yang telah diubahsuai daripada prinsip-prinsip pengembalian semula (*restoration*), beberapa perkara penting perlu diambil kira supaya kerja-kerja pemuliharaan ini dapat mencapai objektif utama kajian ini dijalankan. Dalam pelbagai usaha untuk memulihara sumber warisan ini, dapat dilihat bahawa pendokumentasian maklumat juga penting sebagai salah satu cara yang boleh diaplikasikan terutama oleh Orang Asli itu sendiri. Menurut kajian yang dijalankan oleh Nurul

Ashikin bte Ismail (2015) dan Mohd Yuszaidy, Hanapi & Ab Samad (2013), pendokumentasian pengetahuan tradisional adalah penting kerana seperti yang diketahui, maklumat yang diperoleh daripada nenek moyang yang terdahulu tidak pernah disimpan atau didokumentasikan secara bertulis dengan sistematik.

Apabila pengetahuan tradisional sesuatu suku kaum tertentu hilang, ia boleh menyebabkan hilangnya identiti suku kaum tersebut. Selain itu, dengan hilangnya pengetahuan tradisional mengenai penggunaan sesuatu sumber akan menyebabkan penghayatan dan kepekaan terhadap kepentingan sumber tersebut berkurangan. Ini akan menimbulkan perasaan tidak peduli pada sumber dan akhirnya tidak sedar akan kehilangan sumber tersebut. Arus pemodenan yang cepat berlangsung dan adanya transformasi dalam cara hidup etnik dan suku kaum yang pelbagai di Malaysia, penghijrahan etnik dan suku kaum dari kawasan pedalaman ke bandar atau usaha membandarkan pedalaman akan turut berlaku. Sekiranya pengetahuan tradisional tidak dipulihara dan didokumenkan secepat mungkin ia akan hilang bersama arus pembangunan ini (Mohd Yuszaidy, 2018). Dengan usaha serta analisis kajian yang dijalankan, diharapkan sedikit sebanyak dapat meningkatkan rasa kesyukuran terhadap Tuhan, menghargai keindahan alam persekitaran, keindahan seni dan warisan bangsa serta dapat menyumbang ke arah pembangunan diri, masyarakat, dan negara.

## KESIMPULAN

Masyarakat Orang Asli terutamanya Orang Asli Temuan mempunyai kearifan tempatan dalam aktiviti memburu. Orang Asli temuan yang mendiami pinggiran hutan dan berhampiran kawasan perkampungan Melayu telah membentuk jiwa mereka untuk menghargai dan menghormati alam persekitaran. Mereka amat percaya dan takut jika melakukan sesuatu yang berlanggaran dengan adat atau pantang larang boleh menyebabkan kehidupan harian mereka terganggu. Hal ini menyebabkan mereka sentiasa berhati-hati dalam berinteraksi dan berkomunikasi dengan alam. Bagi kepercayaan yang dianuti serta yang diwarisi daripada golongan tua mereka, mereka perlu menjaga dan mendampingi segala kehidupan yang mendiami di dalam hutan belatara. Mereka tidak akan mematah atau menebang pokok secara sebarang, jika perlu sahaja baharu mereka melakukan. Begitu juga dengan penghasilan perangkap jerat binatang adalah untuk menangkap binatang buru hidup-hidup. Pemburu secara pembunuhan ke atas binatang buruan perlu dielakkan supaya perkara yang tidak dingini tidak berlaku ke atas mereka atau keluarga mereka. Oleh itu, mereka telah menghasilkan pelbagai perangkap jerat binatang daripada saiz binatang yang kecil sehingga ke saiz yang besar bergantung kepada keperluan yang mereka perlukan.

Perubahan masa, zaman dan keperluan sumber makanan telah memberi kesan yang teruk kepada penggunaan perangkap jerat binatang. Ada antara dalam kalangan mereka yang telah menerima pendidikan rendah atau tinggi telah meninggalkan tradisi pemburuan binatang. Dalam kalangan masyarakat Orang Asli Temuan yang telah menganuti ajaran Islam dan tidak lagi berpegang dengan kepercayaan warisan itu telah menyebabkan tradisi pemburuan seperti ini tidak lagi diamalkan. Kesan perubahan daripada peralihan agama, pendidikan dan kemodenan juga tidak menggalakan berlaku aktiviti pemburuan. Hal ini telah menyebabkan penghasilan dan penggunaan perangkap jerat binatang tradisional amat sukar untuk diperoleh. Perangkap jerat binatang tradisional telah mengalami kepupusan dan hilang, jika tiada usaha pengembalian semula melalui proses pemuliharaan. Pemuliharaan yang dilakukan ke atas perangkap Jerat Sembat telah memgembalikan semula peranan dan fungsinya dalam masyarakat Orang Asli Temuan. Oleh itu, pemuliharaan melalui pengembalian semula telah mengangkat dan memartabatkan perangkap jerat bintang merupakan suatu kearifan tempatan masyarakat Orang Asli Temuan. Generasi muda Orang Asli Temuan dapat mempraktikkan semula aktiviti memburu melalui perangkap jerat binatang yang tidak membahaya kepada

mereka. Sumbangan yang penting daripada kajian ini ialah perangkap jerat binatang dapat dipraktikkan oleh semua peringkat umur dan bangsa dalam aktiviti memburu binatang atau sebagai salah satu kompenan ikhtiar hidup semasa berkhemah atau sesat dalam hutan.

## RUJUKAN

- A Ghafar Ahmad. 2010. *Pemuliharaan Bangunan Warisan di Malaysia: Pengalaman dan Cabaran Masa Hadapan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Alex Sander, Elly L. Rustiati, Andjar Rafiastanto dan Rudi Akbarta. 2005. *Penggunaan Jerat dalam Pemburuan liar: Pengetahuan Masyarakat di Perbatasan Taman Nasional Bukit Barisan Selatan*. Lampung: Universitas Lampung: World Wild Fund for Nature Indonesia-Bukit Baris Selatan.
- Doje Tana, Purba J. Saikia, Hiranmaya Sharma & Hirenda N. Sarma. 2014. Traditional Hunting & Trapping Practices Among The Nyishi Tribe of Arunachal Pradesh and its Impact on Biodiversity. *Journal Bioresources*, 1 (1), 24-31.
- Imang Ndani, Kuncoro Iman & Boer Chandradewana. 2002. Studi Perbandingan Perburuan Tradisional Babi Hutan antara Suku Dayak Kenyah dan Suku Punan di Kabupaten Malinau. *Equator*, 1 (2), 102-145.
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. 2004. Kuala Lumpur: Wisma Selangor Dredging.
- Khairul Hisyam Kamaruddin. 2005. *Merangka Strategi Pembangunan Mapan Komuniti Orang Asli: Satu Penilaian Tahap Kemapanan Komuniti Temiar di Rancangan Pengumpulan Semula Lagap & Kuala Mu*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Liliy Salwani Razali & Shaiful Bahri Md Radzi. 2019. Puisi Lisan: Pemerksaan Warisan Bangsa Melayu. *Jurnal Melayu Sedunia*, 2 (1), 234-277.
- Malaysia, Akta Warisan Malaysia, 2005. Kuala Lumpur: Penerbitan Negara.
- Mazlan bin Mohamad. 1997. *Pendidikan Seni 1 Prinsip Pendidikan Seni*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Mohammed Anwar Omar Din (Penyt.) 2008. *Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. 2018. Pemuliharaan Warisan Budaya Melalui Perundangan Warisan dan Agensi Pelaksana Di Malaysia. *Jurnal Melayu*, 17 (2), 143-159.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff & Muammar Ghaddafi bin Hanafiah. 2015. Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645): Penilaian dari Aspek Perundangan dan Penguatkuasa, *Jurnal Melayu*, 16 (2), 202-223.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah & Ab Samad Kechot. 2013. Perlindungan Harta Warisan: Keberkesanan Usaha Pemuliharaan dan Pemeliharaan dalam Pembangunan Negara. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space*, 9 (2), 64-77.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah & Ab Samad Kechot. 2011. Akta Warisan Kebangsaan 2005: Tinjauan Sepintas Lalu. *Jurnal Melayu*, 8, 173-181.
- Mustafa Omar. 2006. *Pembangunan dan Impak Demografi ke atas Komuniti Jakun*. Bangi: Penerbit UKM.
- Norazit Selat. 1993. *Konsep Asas Antropologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nugroho, D. 2003. *Perdagangan Satwa Liar di Indonesia, Makalah pada Diskusi Terbuka dalam Rangka Pekan Konservasi Sumber Daya Alam ke-7*. Tanjung Karang: Widlife Conservation Society-Indonesia Programme.
- Nurul Ashikin Bte Ismail. 2015. Etnoetomologi Dalam Kalangan Kaum Orang Asli dan Melayu di Semenanjung Malaysia. Tesis Sarjana: Universiti Tun Hussein Onn.
- Primack, B. R, Supriatna, J. Indrawan & M. Kramadibrata, P. 1998. *Biologi Konservasi*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.

- Rohana Yusof. 2010. *Asas Sains Sosial dari Perspektif Sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Norlizaiha Harun. 2010. *Pemuliharaan Bangunan Bersejarah*. Shah Alam: Pusat Penerbitan UITM.
- Soemarwotowo, O., Soerjani, M., Yatim, W., Sagala, APS, Skepti & Pramono. 1992. *Melestarikan Hutan Tropika, Pemasalahan, Manfaat dan Kebijakannya*. Jarkata: Yayasan Obor Indonesia.
- Zuriatunfadzliah Sahdan, Rosniza Aznie CheRose & Habibah Ahmad. 2009. *Perubahan Budaya Orang Bateg Dalam Situasi Ekopelancongan di Taman Negara*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

**Biodata Penulis:**

**Muhammad Haziq Mohd Rohir** adalah pelajar Sarjana Kerja Kursus Persembahan Seni, Pusat Kajian Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

**Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff (PhD)** adalah pensyarah kanan di Pusat Kajian Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kepakaran beliau dalam kajian Sosiobudaya Melayu dan Warisan Budaya Melayu.